

**KENYATAAN YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI
MESYUARAT MAJLIS PENUH
28 OGOS 2014**

**1. TARIKH AKHIR BAYARAN CUKAI TAKSIRAN DAN
PENGENAAN NOTIS E CUKAI TAKSIRAN UNTUK PENGGAL
KEDUA 2014 2014**

Di sini saya ingin memaklumkan bahawa tarikh akhir bagi menjelaskan cukai taksiran penggal kedua 2014 adalah selewat-lewatnya pada 31 Ogos 2014. Bil setengah tahun kedua 2014 telah mula dihantar kepada pemilik premis bermula pada 25 Jun 2014 yang lalu.

Waktu operasi kaunter bayaran di Ibu Pejabat MPSP, Bandar Perda akan dilanjutkan bagi dua (2) hari terakhir bulan Ogos 2014 dan waktunya adalah seperti berikut:-

HARI / TARIKH	WAKTU OPERASI KAUNTER
Jumaat (29/8/2014) Kaunter MPSP Bandar Perda Sahaja	7.30 pagi hingga 8.30 malam
Sabtu (30/8/2014) Kaunter MPSP Bandar Perda Sahaja	7.30 pagi hingga 12.30 tengahari
Ahad (31/8/2014)	Cuti Umum. Pembayaran boleh dibuat secara online.

Selepas dari tempoh tersebut, MPSP akan mengenakan caj Notis E sebanyak RM10.00 bermula 3 September 2014 ke atas pembayar cukai yang masih gagal menjelaskan cukai taksiran dalam tempoh yang telah ditetapkan.

Pemilik premis diminta menjelaskan tunggakan segera bagi mengelakkan harta dari disita atau tindakan undang-undang akan diambil oleh MPSP.

2. MAJLIS PERASMIAN PASAR AWAM PERKAMPUNGAN JURU

Sukacita dimaklumkan bahawa Majlis Perasmian Pasar Awam Perkampungan Juru akan diadakan pada 30 Ogos 2014 (Sabtu), jam 7.30 pagi bertempat di Pasar Awam Perkampungan Juru, Seberang Perai Tengah. Majlis perasmian ini akan disempurnakan oleh Yang Amat Berhormat Tuan Lim Guan Eng, Ketua Menteri Pulau Pinang. Semua yang ada di sini dijemput hadir ke majlis tersebut.

3. PEGAWAI BARU BERJAWATAN KONTRAK KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL

Sebagai makluman, MPSP telah melantik seorang Pegawai Pengurusan & Profesional ke jawatan kontrak pada 4 Ogos 2014 di dalam usaha memantapkan lagi pentadbiran Majlis. Pegawai

tersebut, adalah Encik Mohd Ubaidillah bin Abdullah, Pegawai Tadbir N41 yang ditugaskan di Jabatan Perkhidmatan Perbandaran.

4. SELAMAT MENYAMBUT HARI KEMERDEKAAN YANG KE 57 PADA 31 OGOS 2014

Sambutan Hari Kemerdekaan pada tahun ini lebih menekankan kepada semangat kecintaan terhadap negara apabila '**Malaysia, Di Sini Lahirnya Sebuah Cinta**' dipilih sebagai tema sambutan Hari Kemerdekaan Ke-57 yang akan disambut pada 31 Ogos 2014. Kibaran jalur gemilang yang menyelimuti angka 57 ini turut mencerminkan kemakmuran dan keamanan Negara yang telah wujud sejak mencapai Kemerdekaan pada tahun 1957, berupaya dikekalkan sehingga ke saat ini dengan sokongan dan dukungan kuat oleh rakyat yang berbilang etnik dan kepercayaan yang bergabung menjadi satu masyarakat Malaysia yang unik dan bertoleransi. Tarikh 31 Ogos 2014 pada tahun ini jatuh pada hari cuti umum iaitu Ahad. Justeru itu, 1 September 2014, Isnin diisyiharkan sebagai cuti kelepasan am. Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan selamat menyambut hari kemerdekaan khususnya kepada semua warga Seberang Perai dan seluruh rakyat Malaysia.

5. SAMBUTAN HARI MALAYSIA PADA 16 SEPTEMBER DAN DIISYTIHARKAN SEBAGAI CUTI KELEPASAN AM

Dimaklumkan Hari Malaysia akan disambut pada 16 September 2014 (Selasa). Hari Malaysia disambut pada 16 September setiap tahun untuk memperingati penubuhan persekutuan Malaysia di tarikh yang sama pada tahun 1963. Ia menandakan penyertaan bersama Malaya, Borneo Utara, Sarawak, dan Singapura bagi membentuk Malaysia.

6. SENAMROBIK BERSAMA MPSP

Adalah dimaklumkan bahawa program sihat iaitu Senamrobik Bersama MPSP akan diadakan di Taman Tunku, Seberang Jaya pada 9 September 2014 (Ahad). Manakala Program Senamrobik Bersama MPSP di Taman Tugu Kota Demokrasi, Bagan pada 21 September 2014 (Ahad) dan Senamrobik di Taman Berjaya, Nibong Tebal akan diadakan pada 28 September 2014 (Ahad). Sehubungan dengan itu, tuan-tuan dan puan-puan adalah dijemput untuk turut serta dalam aktiviti kecergasan ini yang akan dimulakan pada jam 7:30 pagi.

SEKIAN, TERIMA KASIH.